

The logo for MSWG (Minority Shareholder Watchdog Group) features the letters 'MSWG' in white on a dark blue rectangular background.

MINORITY SHAREHOLDER WATCHDOG GROUP

Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad

Incorporated in Malaysia * Company No. 524898-M

The Observer

Nota:

[Seperti yang dinyatakan di dalam surat berita minggu lepas, tiada Mesej Ketua Pegawai Eksekutif akan diterbitkan untuk minggu ini. Edisi penuh surat berita MSWG akan diterbitkan seperti biasa pada 11 November 2013].

ISU-ISU TADBIR URUS KORPORAT

Pengambilalihan Booz & Company (“B&C”) oleh PricewaterhouseCoopers’ (“PWC”)

PwC telah mengumumkan pada 30 Oktober 2013 bahawa ianya telah bersetuju untuk mengambilalih B&C. B&C merupakan sebuah firma juruperunding global yang berpangkalan di Amerika Syarikat yang aktif dalam pelbagai sektor, termasuk tenaga, kesihatan, sektor kewangan, telekomunikasi dan automotif.

KOMEN MSWG:

Dengan jumlah perolehan yang tidak berkembang di dalam segmen Jaminan, beberapa firma audit di kalangan kumpulan 4 firma audit terbesar telah mula melabur secara strategik ke dalam cabang perundangan dan khidmat nasihat yang dilihat lebih lumayan.

Namun perkembangan terkini ini telah membangkitkan beberapa tanda amaran dan persoalan mengenai isu-isu kebebasan juruaudit dan potensi konflik kepentingan. Kami berharap industri perakaunan akan menangani isu-isu tersebut secara telus dan secukupnya supaya standard perakaunan tidak akan dikompromi.

PANDANGAN RINGKAS MSWG MENGENAI TRANSAKSI KORPORAT SEMASA

NADAYU PROPERTIES BERHAD (“NPB”)

AmlInvestment Bank (“Penasihat Bebas”) telah di dalam Surat Pekeliling Bebasnya kepada pemegang-pemegang saham minoriti NPB menasihatkan mereka supaya menolak tawaran pemegang saham utama ATIS IDR Ventures Sdn Bhd dan Zhuojian Associates Sdn Bhd untuk mengambilalih NPB melalui pembayaran balik modal terpilih (“Cadangan SCR”). Penasihat Bebas tersebut berpendapat walaupun terma-terma Cadangan SCR tersebut disifatkan munasabah, diskaun sebanyak 49.82% daripada harga

pertimbangan yang telah diselaraskan kepada nilai aset bersih boleh direalisasi (RNAV) adalah terlalu besar dan tidak adil.

KOMEN MSWG:

lanya agak luar biasa untuk melihat nasihat daripada Penasihat Bebas supaya para pemegang saham minoriti menolak cadangan pengambilalihan yang disifatkan sebagai 'tidak adil tetapi munasabah'. Dalam hal ini, Penasihat Bebas berpendapat bahawa aspek 'ketidakadilan' melebihi aspek 'kemunasabahan' tawaran setelah mengambilkira diskaun yang terlalu besar bagi tawaran SCR tersebut kepada nilai aset bersih boleh direalisasi (RNAV) NPB.

Senario ini menimbulkan soalan subjektif mengenai apakah tahap or berapa banyakkah diskaun bagi sesebuah tawaran kepada nilai intrinsiknya yang boleh menyebabkan tawaran tersebut disifatkan sebagai 'tidak adil tetapi munasabah' dan patut ditolak? MSWG berharap para penasihat bebas industri akan melihat merit bagi setiap kes dan menilai aspek subjektif dalam penilaian dan tawaran sebegini sebelum memberikan pendirian.

Penganalisa MSWG

Lya Rahman, Pengurus Besar, Khidmat Korporat lyarahman@mswg.org.my

Chong Chee Fern, Pengurus Besar, Pemantauan Korporat chongcf@mswg.org.my

Rebecca Yap, Ketua, Pemantauan Korporat rebecca.yap@mswg.org.my

Quah Ban Aik, Ketua, Pemantauan Korporat banaik.quah@mswg.org.my

Ng Hoon Ho, Pengurus Kanan, Pemantauan Korporat nghh@mswg.org.my

Norhisam Sidek, Pengurus, Pemantauan Korporat norhisam@mswg.org.my

Shahnul Niza Mohd Yusof, Pengurus, Penyelidikan shahnul.niza@mswg.org.my

Lee Chee Meng, Pengurus, Pemantauan Korporat cheemeng@mswg.org.my

Wong Kin Wing, Penganalisa Kanan, Pemantauan Korporat, kinwing@mswg.org.my

Nor Khalidah Khalil, Penganalisa, Pemantauan Korporat khalidah@mswg.org.my

Vinodth Ramasamy, Penganalisa, Pemantauan Korporat vinodth.ram@mswg.org.my

PENZAHIRAN KEPENTINGAN

- *Sehubungan dengan syarikat-syarikat yang dinyatakan di dalam surat berita ini, MSWG memegang jumlah saham yang minima di dalam syarikat-syarikat tersebut kecuali bagi Nadayu Properties Berhad.*

Maklumbalas

Kami mengalu-alukan maklumbalas anda mengenai surat berita dan khidmat kami. Sila e-mel komen dan cadangan anda ke mswg.ceo@mswg.org.my.

PENOLAKAN TUNTUTAN

Surat berita ini dan isi kandungannya beserta semua hak-hak berkaitan dengannya termasuk hak cipta dimiliki oleh Badan Pengawas Pemegang Saham Minoriti Berhad, juga dikenali sebagai Minority Shareholder Watchdog Group (MSWG).

Isi kandungan dan pendapat yang dinyatakan di dalam surat berita ini adalah berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada domain awam dan bertujuan untuk memberikan maklumat umum kepada pengguna dan adalah untuk rujukan sahaja. Usaha terbaik telah dilakukan untuk memastikan maklumat yang terkandung di dalam surat berita ini adalah tepat dan terkini pada tarikh

penerbitan. Walaubagaimanapun, MSWG tidak membuat sebarang waranti khusus atau tersirat atas ketepatan atau kelengkapan maklumat dan pendapat yang terkandung di dalam surat berita ini. Tiada maklumat di dalam surat berita ini yang bertujuan atau patut dianggap sebagai syor untuk membeli atau menjual atau jemputan untuk melanggan sekuriti tertentu, pelaburan yang berkaitan atau mana-mana instrumen kewangan.